



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) DI SELANGOR 1990-2010**

**MOHAMAD ALI BIN ALIMIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2017**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Disertasi ini bertujuan mengkaji perkembangan politik Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Selangor dari 1990 hingga 2010. Disertasi ini menghuraikan matlamat perjuangan dan prinsip PAS Selangor sebagai sebuah parti politik yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan, mengenalpasti corak kepimpinan dan sumbangsan tokoh-tokoh pemimpin PAS Selangor yang terdiri daripada golongan ulama dan profesional. Di samping itu, kajian ini juga menilai dan menghuraikan kejayaan dan masalah yang dihadapi usaha memasyarakatkan PAS dan kerjasama dengan parti politik lain. Ia juga memaparkan penerimaan masyarakat, cabaran dan kejayaan PAS di Selangor. Kajian ini dilaksanakan dengan menganalisis terhadap sumber primer seperti dokumen rasmi parti, perlumbagaan parti, minit mesyuarat parti dan teks ucapan . Di samping itu pengkaji juga menganalisis sumber sekunder seperti buku, akhbar dan kertas kerja yang berkaitan. Dalam usaha memantapkan hasil kajian, pengkaji turut menggunakan sumber lisan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Disertasi ini membuktikan bahawa organisasi yang tersusun, barisan tokoh kepimpinan yang baik, berwawasan serta usaha yang berterusan untuk memasyarakatkan PAS di samping kerjasama yang terjalin antara parti politik yang lain berjaya membawa perubahan kepada lanskap politik Selangor. Akhirnya melalui kerjasama dengan parti politik yang lain berjaya menawan Selangor pada 2008. PAS tidak boleh bergerak sendirian dan perlu menjalin kerjasama dengan parti politik lain tanpa mengorbankan prinsip dan perjuangan parti.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
V

## PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) IN SELANGOR 1990-2010

### ABSTRACT

This dissertation aims to study the development of the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS) in Selangor from 1990 to 2010. This dissertation will describes the party struggle and principles. Pas as a political party that makes Islam as the basis of struggle, recognizing the leadership pattern as well and the contributions of PAS leaders. The leaders are among professionals and Ulama'. This study also assesses and elaborates on the success and problems faced by the parties in order to socialize the parties and also to cooperate with other political parties. It also featured the public acceptance, challenges and PAS's success in Selangor. This study was conducted by analyzing primary sources such as party official documents, constitutions, meeting minutes and speech texts. Researcher also analyzes secondary sources such as books, papers and related working papers. In order to strengthen the research findings, researchers also used an oral source to obtain additional information. This dissertation shows that the well-organized organizations, good leadership leaders, insights and ongoing efforts to popularize PAS as well as the collaboration between other political parties have made a difference to Selangor's political landscape. Finally, in partnership with other political parties managed to lead Selangor in 2008 election. PAS cannot move alone and need to collaborate with other political parties without sacrificing the principles and struggles of the party.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
V

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
V



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x

<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Skop Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kajian Terdahulu	6
1.7 Metodologi Kajian	15
1.8 Pembahagian Bab	17



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 2 LATAR BELAKANG PENUBUHAN PAS DI MALAYSIA

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Latar Belakang Penubuhan PAS di Malaysia	22
2.3	Sejarah Penubuhan PAS Selangor	29
2.4	Matlamat Penubuhan PAS Selangor	38
2.5	Prinsip Perjuangan PAS Selangor	42
2.6	Organisasi PAS Selangor	44
2.7	Peranan dan Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa PAS Selangor	47
2.8	Perkaderan PAS	63
2.9	Keahlian PAS	66



## BAB 3 KEPIMPINAN ULAMA DAN PROFESIONAL DALAM PAS SELANGOR



3.1	Pendahuluan	72
3.2	Pengertian Ulama	73
3.3	Pengertian Profesional	77
3.4	Kepimpinan PAS Selangor	80
3.4.1	Ustaz Hassan Shukri	80
3.4.2	Perjuangan Politik Ustaz Hassan Shukri	81
3.4.3	Sumbangan Ustaz Hassan Shukri	82
3.5.1	Tuan Haji Mohsinon Tahir	88
3.5.2	Perjuangan Politik Tuan Haji Mohsinon Tahir	89
3.5.3	Sumbangan Tuan Haji Mohsinon Tahir	91





3.6.1	Dr Shahabuddin Ngah Ketua Dewan Pemuda Pas Selangor	98
3.6.2	Perjuangan Politik Dr Shahabuddin Ngah	99
3.6.3	Sumbangan Dr Shahabuddin Ngah	102
3.7.1	Dr Shafie Bin Abu Bakar	104
3.7.2	Perjuangan Politik Dr Shafie Bin Abu Bakar	106
3.7.3	Sumbangan Dr. Shafie Bin Abu Bakar	111
3.8.1	Ustaz Ramli Bin Sidom	113
3.8.2	Perjuangan Politik Ustaz Ramli Bin Sidom	114
3.8.3	Sumbangan Ustaz Ramli Bin Sidom	118

#### **BAB 4                    MEMASYARAKATKAN PAS**



4.0	Pendahuluan	127
4.1	Memasyarakatkan PAS	129
4.2	PASTI Selangor	135
4.3	Matlamat Penubuhan PASTI	137
4.4	Aktiviti-Aktiviti PASTI Selangor	139
4.5	Kejayaan PASTI Selangor	141
4.6	Kelemahan PASTI Selangor	148

#### **BAB 5                    TAHALUF SIYASI DAN PENCAPAIAN PAS SELANGOR**

5.1	Pendahuluan	151
5.2	Kerjasama PAS dalam Angkatan perpaduan Ummah (APU)	155





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
ix

5.3	Kerjasama PAS dalam Barisan Barisan Alternatif (BA)	166
5.4	Kerjasama PAS dalam Pakatan Rakyat (PR)	188
<b>BAB 6</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>194</b>
<b>RUJUKAN</b>		<b>205</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>212</b>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
ix



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Organisasi badan Perhubungan PAS Negeri Selangor Sesi 1993/1995	58
2.2 Organisasi Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor Sesi 2001-2003	59
2.3 Senarai Pesuruhjaya PAS Selangor	61
2.4 Senarai Setiausaha Perhubungan Negeri PAS Selangor	61
2.5 Senarai Ketua Dewan Pemuda PAS Selangor	62
2.6 Senarai Ketua Dewan Ulama PAS Selangor	62
2.7 Senarai Ketua Dewan Mulimat Selangor	63
2.8 Bilangan Ahli PAS dari Tahun 1990 hingga 2010 di Selangor	70
4.1 Senarai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) PASTI Selangor 2001/2003	142
4.2 Pencapaian PASTI Selangor Tahun 1995/1996	143
4.3 Statistik Bilangan PASTI Dari Tahun 2001 Hingga Tahun 2009	143
4.4 Statistik Bilangan Guru PASTI Dari Tahun 2001 Hingga tahun 2009	144
4.5 Statistik Bilangan Murid PASTI Malaysia dari Tahun 2001-2009	145
4.6 Pencapaian PASTI Selangor Tahun 1995/1996 Mengikut Kawasan	146
4.7 Pencapaian PASTI Selangor Dari Tahun 2001 Hingga 2003	147



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xi

## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

2.1 Organisasi PAS Selangor

48



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ABIM	-	Angkata Belia Islam Malaysia
API	-	Akademik Pembinaan Insan
API	-	Angkatan Pemuda Insaf
APU	-	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	-	Barisan Alternatif
BN	-	Barisan Nasional
CCC	-	<i>Chinese Consultant Council</i>
DAP	-	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru



DPPM	-	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
DPPNS	-	Dewan Pemuda PAS Negeri Selangor
DPPP	-	Dewan Pemuda PAS Pusat
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
HAMIM	-	Hizbul Mulimin
IDN	-	<i>Independence of Malaya Party</i>
IRC	-	<i>Islamic Representative Council</i>
JAIS	-	Jabatan Agama Islam Malaysia
JKP	-	Jabatan Pilihanraya Kawasan
JPN	-	Jabatan Pilihanraya Negeri





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

KUIS	-	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
KUZA	-	Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin
MCA	-	<i>Malayan Chinese Assosiation</i>
MIC	-	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPSI	-	Maktab Perguruan Sultan Idris
MTD	-	Majlis Tindakan Undangan Negeri
NASMA	-	<i>Nationalist Party of Malaysia</i>
NEG	-	Parti Negara
NGO	-	<i>Non Government Organization</i>
PAS	-	Parti Islam SeMalaysia
PASTI	-	Pusat Asuhan Tadika Islam
PEKEMBAR	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Gerakan Pembela Tanah Ayer  
Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKR	-	Parti Keadilan Rakyat
PR	-	Pakatan Rakyat
PRU	-	Pilihanraya Umum
PSRM	-	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
ROS	-	<i>Register Of Society</i>
SDP	-	<i>Sosialis Democratic Parti</i>
SOP	-	<i>Standard Operating Procedure</i>
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiv

SYABAS	-	Syarikat Bekalan Air Selangor
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	-	<i>United Malays Nation Organization</i>
UNESCO	-	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UPU	-	Unit Peti Undi
USAHANITA	-	Persatuan Wanita Bumiputra



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian meliputi tahap awal penubuhan parti dan pada tahun 1990-2010 iaitu era perubahan dalam kerjasama PAS dengan parti politik yang lain. Justifikasi kajian yang dalam tempoh 20 tahun adalah amat penting untuk melihat dan menilai sejauh mana perkembangan parti Islam ini dalam mewarnai sejarah politik negara khususnya di Selangor.

PAS dilihat sebagai sebuah parti yang cuba memperjuangkan nilai-nilai Islam seperti yang terkandung dalam perlembagaan parti sebagai cara hidup kepada masyarakat di Malaysia. Meskipun mengalami perubahan pucuk pimpinan parti dan cabaran dari pihak luar seperti parti-parti politik yang terdapat di Malaysia, namun parti ini masih mampu membentuk kerajaan di beberapa buah negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah. Kelantan merupakan negeri yang mencatatkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



kejayaan paling cemerlang bagi PAS sejak Pilihan Raya Umum 1959. Daripada 12 pilihanraya yang diadakan, PAS berjaya memenangi kerusi majoriti sekaligus menguasai kerajaan negeri Kelantan. PAS memenangi pilihanraya empat kali berturut-turut pada tahun 1959 hingga tahun 1974. PAS hanya gagal pada tahun 1978, 1982 dan 1986.<sup>1</sup> Seterusnya PAS berjaya memenangi pilihanraya dari tahun 1990 hingga 2008.

Di Terengganu, PAS menguasai negeri Terengganu sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1959 dan 1999. Pada tahun 1959, PAS memenangi 13 buah kerusi daripada 24 buah kerusi manakala pada tahun 1999 PAS memenangi 28 buah kerusi daripada 32 buah kerusi.



tahun 2008 hasil kerjasama dan permuafakatan bersama Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan *Democratic Action Party* (DAP) dalam Pakatan Rakyat.<sup>2</sup>

## 1.2 Skop Kajian

Di Selangor perkembangannya agak perlahan. Oleh yang demikian, skop kajian ini adalah penting untuk menilai sejarah perjuangan parti, cabaran, masalah, perubahan kepimpinan, sumbangan tokoh, aktiviti, dan kerjasama dengan parti-parti politik yang lain. Tempoh kajian ini penting kerana merupakan era perubahan dalam PAS di

<sup>1</sup> Mohd Hasbie Muda, *PAS & Pilihanraya, Analisis pencapaian Parti Islam SeMalaysia dalam pilihanraya umum (1959-2013)* Selangor: Megamind Leadership Consultancy, 2014, hlm 62

<sup>2</sup> *Ibid.* hlm58





Selangor. Pada tahun 1990 PAS memulakan kerjasama dengan parti lain seperti Semangat 46. Melalui Angkatan Perpaduan Umah terkandung di dalamnya kerjasama antara PAS dengan Semangat 46. Dalam tempoh tersebut (1990-2010) dikatakan sebagai tempoh sebelum kemenangan dan semasa kemenangan PAS di Selangor. Sebelum tahun 1999 iaitu dalam PRU 1990 dan 1995, PAS tidak pernah memenangi sebarang kerusi dalam pilihanraya di Selangor. Perjuangan PAS Selangor mula menampakkan hasil apabila memenangi 4 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun 1999 walaupun dengan majoriti yang kecil. Walaupun pada PRU 2004 PAS Selangor gagal mempertahankan 4 kerusi DUN yang dimenangi sebelum ini namun pada PRU 2008 PAS Selangor berjaya memenangi 8 kerusi DUN di Selangor seterusnya memerintah negeri Selangor melalui kerjasama dengan Parti Keadilan Rakyat dan DAP.



PAS dipilih sebagai kajian kerana PAS sebuah parti yang lahir daripada serpihan ulama dalam UMNO. Ahli PAS terdiri daripada orang Melayu Islam. Begitu juga UMNO yang majoritinya orang Melayu Islam. PAS cuba menonjolkan bahawa mereka lebih Islam berbanding UMNO. Namun begitu pendekatan UMNO bekerjasama parti-parti lain seperti MCA dan MIC berjaya memerintah Malaysia. Berbanding PAS yang bergerak sendirian. Walaubagaimanapun tahun 1988 PAS bertahaluf siyasi dengan Semangat 46 tetapi gagal. Namun tahun 1998 hingga 2008 PAS berjaya dalam tahaluf siyasinya dengan Parti Keadilan Rakyat dan DAP. Melalui kajian ini penting untuk membuktikan bahawa sukar sebuah parti itu untuk bergerak sendirian dalam pilihanraya tanpa bekerjasama dengan parti-parti yang lain.





Tahun 2010 merupakan tahun penamat kerana pada tahun tersebut iaitu tiga tahun selepas PAS bersama PKR dan DAP buat pertama kalinya berjaya mentadbir negeri Selangor yang merupakan sekian lama dikuasi oleh Barisan Nasional. Hal yang demikian kerana pada tahun 2008 perubahan lanskap politik berlaku di Malaysia. Empat buah negeri berjaya dikuasai oleh Pakatan Rakyat iaitu Pulau Pinang, Kelantan, Perak dan Selangor. Di Selangor PAS sejak penubuhannya tidak bercita-cita untuk memerintah Selangor, hanya sekadar untuk menjadi pembangkang yang kuat.

### 1.3 Permasalahan Kajian



memaparkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam corak kepimpinan merujuk kepada dasar dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Di samping itu, kajian ini cuba merungkai cara atau strategi PAS di Selangor dalam usaha memasyarakatkan PAS. Faktor yang mendorong terbentuknya kerjasama dengan parti-parti politik yang lain dan dengan badan-badan bukan kerajaan atau *Non Government Organization* (NGO) juga akan dibincangkan. Pertembungan dua aliran iaitu golongan ulama dan profesional yang membawa kerjasama dalam memperkasakan parti seterusnya memberi kejayaan kepada kemenangan yang lebih besar dalam pilihanraya. Kemasukan golongan professional membuka lembaran baru dengan penyertaan mereka dalam organisasi seterusnya menentukan halatuju parti.





Dalam menjalin kerjasama dengan parti-parti politik yang berbeza ideologi perjuangan juga merupakan satu faktor penting untuk dikaji. Dalam hal ini tentu ada perkara dasar yang dipersetujui dalam kerjasama tersebut dan juga mungkin ada pengorbanan prinsip perjuangan yang perlu diketepikan dalam usaha untuk mencapai kerjasama tersebut. Tajuk ini juga akan mengkaji penerimaan masyarakat terhadap kerjasama PAS dengan parti politik lain. Selain itu penerimaan dan reaksi ahli PAS juga akan dibincangkan.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang ingin dijawab ialah:



2. Apakah sumbangan yang diberikan merujuk kepada kepimpinan golongan ulama dan professional PAS di Selangor?
3. Apakah tindakan yang dilakukan untuk memasyarakatkan PAS Selangor ?
4. Apakah perubahan-perubahan yang berlaku dengan merujuk kepada hasil kerjasama yang dijalankan dengan parti-parti politik yang lain?





## 1.5 Objektif Kajian

Tesis ini ingin mencapai objektif berikut:

1. Menghuraikan matlamat dan prinsip PAS Selangor sebagai sebuah parti politik yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan.
2. Mengenalpasti corak kepimpinan dan sumbangan tokoh-tokoh kepimpinan ulama dan professional dalam PAS Selangor.
3. Selain daripada itu kajian ini akan menilai dan menghuraikan penerimaan masyarakat, cabaran dan kejayaan hasil usaha yang dijalankan untuk memasyarakatkkan PAS Selangor.
4. Seterusnya kajian ini akan menganalisis kejayaan yang dicapai melalui kerjasama dengan parti-parti politik yang lain.



## 1.6 Kajian Terdahulu

Terdapat beberapa buku-buku, artikel dan kertas kerja yang menulis tentang sejarah dan perkembangan PAS di Malaysia. Namun sejarah dan perkembangan PAS di Selangor tidak ditulis. Dalam mencatatkan sejarah PAS di Malaysia, penglibatan PAS Selangor hanya disentuh secara sepintas lalu sahaja. Dalam buku *Islam dan Demokrasi ,Cabaran Politik Muslim Kontemporeri di Malaysia* oleh Mohd Izani Mohd Zain menjelaskan perhubungan tentang Islam dan demokrasi secara konsep dan teori. Perbincangan merangkumi prinsip dan pemikiran yang terkandung dalam demokrasi dan Islam. Buku ini turut memaparkan secara terperinci tentang faktor-faktor yang mendorong penglibatan atau penyertaan gerakan Islam dan umat Islam





dalam proses demokrasi melalui pilihanraya di Malaysia. Dalam buku ini turut dinyatakan tentang aliran pemikiran PAS yang konsisten terhadap perjuangan berbentuk demokrasi. Ini dibuktikan melalui penglibatan PAS dalam semua pilihanraya umum di Malaysia sejak ia ditubuhkan. Dalam tahun 1990-an bermula era kebangkitan semula PAS dengan kemenangannya di Kelantan, pendekatan PAS beralih kepada lebih terbuka, kesederhanaan atau lebih tepatnya liberal meskipun masih mengekalkan kepimpinan ulama. Era 1990-an ini juga memperlihatkan kerjasama PAS dengan Semangat 46, Gagasan Angkatan Perpaduan Ummah (APU), GERAK, Barisan Alternatif (BA) dan juga Pakatan Rakyat (PR).<sup>3</sup>

Mujahid Yusuf dalam bukunya, *Menuju Pas Baru, Krisis Peluang dan*

*Dimensisme* turut menjelaskan tentang perkembangan PAS di Malaysia yang berkisar



tentang konflik organisasi parti politik tetap sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan. Asas buku ini berpandukan kepada perkembangan organisasi parti politik serta naik turunnya sebuah organisasi. Keadaan ini dicetuskan dengan peristiwa-peristiwa kemuncaknya berlaku krisis yang menyebabkan kemungkinan-kemungkinan perubahan dalam sebuah parti politik. Buku ini juga mempersoalkan tentang titik penurunan yang dihadapi oleh kepimpinan ulama berpandukan kepada krisis dalam yang berlaku dan suatu tahap diperlukan supaya PAS dapat melonjak ke hadapan.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> Mohd Izani Mohd Zain, *Islam dan Demokrasi Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2007.

<sup>4</sup> Mujahid Yusof, *Menuju PAS Baru Krisis, Peluang dan Dinamisme*, Bhd. Kuala Lumpur: The Malaysian Insider Sdn. Bhd. 2011.





Sebuah lagi buku “ Amanat Haji Hadi ”, Penghuraian dan Penjelasan Dato” Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang tentang perjuangan dan prinsip PAS. Dalam buku ini menjelaskan kepada rakyat tentang sikap dan pandangan beliau berhubung dengan isu-isu yang ada diputarbelitkan oleh sebuah parti politik yang lain. Buku ini cuba memberi penjelasan berkenaan isu-isu yang dimainkan oleh seterusnya PAS tentang konsep jihad, syahid dan kafir. Keadaan ini tentunya memberi kesan kepada perkembangan kepada PAS yang memperjuangkan Islam di mata rakyat Malaysia. Buku ini juga boleh dijadikan panduan untuk menerangkan apakah cabaran, perjuangan dan matlamat parti politik iaitu PAS dalam menegakkan undang-undang Islam di Malaysia.<sup>5</sup>

Buku lain yang berkaitan dengan sejarah PAS di Selangor ialah *PAS Kuala*



menunjukkan berlaku pertentangan antara PAS Kuala Selangor dengan Angkatan Perpaduan Ummah. Penentangan PAS Kuala Selangor ini disebabkan PAS telah menjalin kerjasama dengan Semangat 46 yang tidak mencatatkan Islam sebagai Ad Deen malah mengekalkan isi kandungan perlembagaan UMNO Lama yang telah mati dan menjadi musuh tradisi kepada PAS. Pemimpin PAS selalu menyebut sewaktu Semangat 46 berada di dalam UMNO, bahawa punca UMNO menentang perjuangan yang di sokong oleh PAS kerana Perlembagaan UMNO yang tidak Islamik. Sifat pimpinan parti yang tidak menentu inilah yang menjadi punca ahli-ahli di peringkat bawahan kebingungan.<sup>6</sup>

<sup>5</sup> Haji Abdul Hadi Awang, *Amanat Haji Hadi*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat, 2002.

<sup>6</sup> Muhyayat Haji Yusuf, *PAS Kuala Selangor vs APU*, Selangor: Percetakan Jasa Sdn. Bhd. 1990.





Di samping itu buku lain yang menceritakan tentang PAS ialah *Menegakkan Agama Membela Bangsa Perjuangan PAS 1951-1970*, karya Ismail Said. Buku ini menyatakan sejarah penubuhan cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi sehingga menjadi sebuah parti politik. Kandungan buku ini dimuatkan beberapa tokoh pemimpin PAS yang terkenal iaitu Haji Ahmad Fuad (1951-1953), Dr Abbas Alias (1953-1986) dan Dr. Burhanuddin Al Helmi (1956-1969). Dalam buku ini dinyatakan bahawa Dr. Alias Abbas dilahirkan di Banting Selangor pada tahun 1941. Melalui kepimpinan tokoh-tokoh ini, PAS telah dicorakkan dan dipandu perjuangannya kepada pembinaan parti sehingga muncul relevan dan terus kukuh dalam politik tanah air hingga kini.<sup>7</sup>

Dalam buku *Liku-Liku Reformasi Pakatan Rakyat Di Selangor* yang disunting



cabaran yang dihadapi oleh kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor. Cabaran ini di luar Pakatan Rakyat seperti kemunculan beberapa badan bukan kerajaan yang berdasarkan Melayu dan Islam bekerjasama dengan UMNO. Pengaruh NGO ini kepada Ali Parlimen dan Ahli Dewan Negeri Melayu adalah besar kerana mereka mememainkan isu kesetiaan kepada kaum dan agama. Selain itu terdapat juga sebilangan individu di dalam PAS mengambil pendirian dan pendekatan agresif berbanding kerajaan negeri yang mengambil pendekatan yang sederhana terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Melayu. Contohnya isu penjualan arak di Selangor, Hassan Ali sebagai Ahli Majlis Kerajaan Negeri Selangor mahu penjualan itu diharamkan dan mahu menjadikan Jawatankuasa Masjid sebagai Polis Moral kepada kegiatan muslim. Begitu juga dengan penggunaan kalimah Allah, Zulkifli Nordin bercanggah pendapat dengan

<sup>7</sup> Ismail Said, *Menegak Agama Membela Bangsa Perjuangan PAS 1951-1970*, Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah, 2011.





Khalid Samad, Ahli Parlimen Shah Alam. Keadaan ini pastinya merosakkan imej Pakatan Rakyat.<sup>8</sup>

Buku lain yang menulis kerjasama PAS dengan parti-parti politik yang lain ialah *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali* oleh Syed Husin Ali. Memoir ini memaparkan sedikit sebanyak tentang kerjasama dengan PAS dengan Semangat 46, GAGASAN APU dan Pakatan Rakyat. Dalam catatan ini, penyelidik menyatakan tentang, kejayaan, pergolakan kerjasama PAS dalam pilihanraya. Begitu juga kemelut tentang pemilihan Menteri Besar Selangor selepas Pakatan Rakyat memenangi pilihanraya ke-12 juga dimuatkan dalam buku ini. Kemelut berlaku apabila Azmin Ali yang menjadi Pengurus PKR Negeri Selangor, berharap akan ditunjuk oleh sultan untuk menjadi MB. Akan tetapi beliau akur dan tidak menimbulkan apa-apa masalah



Khalid Ibrahim. Kemudian terdengar pula berita bahawa Datuk Hassan Ali bersama dua orang pemimpin tertinggi PAS menemui Sultan Selangor. Tersebar luas kononnya ada kemungkinan kerjasama antara PAS Selangor dengan UMNO negeri itu. Keadaan ini menimbulkan suasana yang tidak tenteram dalam kalangan PAKATAN RAKYAT. Walau bagaimanapun masalah ini selesai apabila Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menghantar mesej menegaskan sokongannya kepada Khalid Ibrahim.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Tricia Yeoh, Noor Amin Ahmad, *Liku-Liku Reformasi Pakatan Rakyat di Selangor*, Selangor: Strategic Information and Research Development Center, 2011.

<sup>9</sup> Syed Husin Ali, *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Center, 2012.





Perbagai persoalan juga ditimbulkan oleh Ahmad Atory Hussain dalam bukunya “*Kepimpinan Masa Depan*” berakhirkah Dilema Melayu? Sarjana Ahmad Antory Husin menyatakan masalah yang menyebabkan orang Melayu berada dalam dilema. Buku ini juga menyingkap kepimpinan orang Melayu sebagai asas kepada perlengkap ikhtiar hidup atau survival dan penyelesaian masalah mereka. Hal yang demikian ini, menyebabkan kedua-dua parti Melayu terbesar iaitu UMNO dan PAS perlu meletakkannya di tempat yang tinggi. Dalam usaha untuk memartabatkan bangsa Melayu mereka juga terpaksa berhadapan dengan tuntutan dari kaum lain terutama dalam bidang ekonomi yang telah mencabar Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang kononnya wujud ketidakadilan kepada kaum bukan Melayu. Di samping itu tuntutan-tuntutan dalam bidang politik, penambahan jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan.



Buku ini juga menimbulkan persoalan tentang masa depan atau nasib orang Melayu sekiranya mereka tidak lagi memegang kuasa. Contohnya Pulau Pinang yang dipimpin oleh Ketua Menteri dalam kalangan bukan Melayu. Perbalahan antara UMNO dan PAS juga ditulis dalam buku ini. Perbalahan juga bagaikan tidak kunjung padam seperti tuduhan UMNO kepada PAS yang berfikiran Islam sempit dan juga isu kafir mengkafir dan sistem atau fahaman yang diamalkan oleh UMNO nasionalisme sekular yang tidak Islam. Begitu juga tentang dasar perjuangan PAS yang akan memberi hak sama rata kepada orang bukan Melayu sama.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Ahmad Atory Bin Hussain, *Kepimpinan Masa Depan Berakhirkah Dilema Melayu?*, Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn.Bhd, 1987.





Manakala buku *Politik Melayu dan Demokrasi* disunting oleh Yusuf Ismail dan Khayati Ibrahim memaparkan pelbagai rencana yang menyingkap zaman silam dua parti politik utama bangsa Melayu muslim. “ Pepecahan Politik Umat Melayu Muslim ” merupakan pembuka jalan untuk membincangkan pesaingan antara PAS dan UMNO dalam konteks politik Malaysia. Beliau menyifatkan pepecahan bangsa Melayu berpunca dari pertandingan dalam perhimpunan Agung UMNO 1981 antara Mahathir, Musa Hitam dan tengku Razaleigh. Dalam bab 9 buku ini membincangkan hubungan antara PAS dan UMNO dan perancangan mereka dalam proses Islamisasi di Malaysia. Kedua-dua parti politik ini sering bercanggah pendapat antara satu sama lain tentang kesungguhan dan kebolehan pihak masing-masing dalam memperjuangkan Islam. Isu-isu tentang cara atau strategi yang dilaksanakan oleh UMNO dan PAS dalam perlaksanaan Islam di Malaysia. Punca konflik antara kedua



*Parti PAS dengan Tahaluf Syiasinya* yang disusun oleh Abu Bakar Hamzah J.P merupakan koleksi pelbagai keratan akhbar yang memaparkan kegiatan PAS, seperti Perisyiharan Persefahaman antara Parti yang terlibat seperti NASMA, PAS, Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) dan *Sosialis Democratic Party* (SDP) bagi menghadapi pilihanraya umum, untuk menentang Barisan Nasional. Dalam persefahaman tersebut terkandung beberapa perkara antaranya mengakui hak PAS memperjuangkan negara Islam. Di samping mengakui kebebasan parti-parti dalam persefahaman tersebut. Mereka juga bersetuju bekerjasama dalam menentang Barisan Nasional untuk mengurangkan majoriti dua pertiga. Dimuatkan juga beberapa wawancara eksklusif al-ummah dengan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang tentang latar belakang wujudnya Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan arah tujuannya

